

03 MAY 2002

MAHATHIR-TELEKOM-TRI/I

TELEKOM BERMINAT AMBIL ALIH TRI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Telekom Malaysia Bhd berminat mengambil alih Technology Resources Industries Bhd (TRI), memandangkan kepada langkah membeli saham TRI baru-baru ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Telekom sememangnya berminat. Itulah sebabnya mengapa mereka membeli (saham itu)," katanya.

Ketika ini Telekom Malaysia memegang pegangan langsung dan tidak langsung dalam TRI berjumlah 15.6 peratus ekoran pembelian 13.14 peratus pegangan pada RM2.75 sesaham atau RM717 juta daripada tindakan halang tebus oleh Pengurusan Danaharta Nasional Bhd ke atas cagaran pinjaman Tan Sri Tajudin Ramli.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak perlu mempunyai terlalu banyak syarikat telekomunikasi terutamanya dengan kemunculan sistem rangkaian generasi ketiga (3G) yang akan melibatkan jumlah pelaburan yang besar.

Beliau menyatakan negara mungkin hanya memerlukan tiga syarikat telekomunikasi untuk beroperasi.

"Kita perlukan tiga syarikat (telekomunikasi) di Malaysia. Bukan dengan jumlah yang besar tambah-tambah lagi dengan kedatangan 3G," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar ICT yang dianjurkan oleh Pemuda Umno, di sini, hari ini.

Syarikat telekomunikasi yang beroperasi di Malaysia ketika ini adalah Telekom Malaysia, Maxis Communications Bhd, TRI, DiGi.Com Bhd dan Time dotCom Bhd.

Dr Mahathir berkata banyak negara yang melaksanakan teknologi komunikasi rangkaian 3G menemui kegagalan.

"Mereka berdepan dengan masalah," katanya.

Beliau menyatakan NTT Docomo, yang pada lewat tahun lalu melancarkan perkhidmatan 3G komersil pertama dunia di Jepun, kini berdepan dengan banyak masalah berkaitan sistem rangkaian tersebut.

Perdana Menteri juga berkata beliau percaya Telekom Malaysia akan memberikan "niaga janji adil" kepada orang awam sekiranya ia mengambil alih TRI.

Telekom Malaysia dilaporkan hari ini sedang mencari jalan terbaik untuk menggabungkan perkhidmatan telefon mudah alihnya di bawah Telekom Cellular Sdn Bhd dengan anak syarikat milik penuh TRI, Celcom (M) Sdn Bhd.

Satu cara yang berkemungkinan adalah dengan Telekom Malaysia meningkatkan pegangannya yang ketika ini pada 15.6 peratus dalam TRI, kepada pegangan utama.

Telekom Cellular mengendalikan perkhidmatan TM Touch manakala Celcom mengusahakan perkhidmatan Celcom GSM dan ART900. -- BERNAMA

LES SD ZK